

# Jangan tunai haji dengan niat hendak mati di Mekah - PM

JITRA 21 Sept. — Perdana Menteri, **Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad** mengingatkan umat Islam yang hendak menunaikan haji agar mereka tidak berniat untuk mati di Mekah kerana sebagai orang Islam mereka perlu menghargai nyawa kurniaan Tuhan.

"Janganlah kita mencari peluang untuk mati di sana kerana perbuatan itu umpama kita membunuh diri," katanya merujuk peristiwa rempuhan di Terowong Muaissem yang mengorbankan lebih 300 jemaah haji Malaysia 2 Julai lalu.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, umat Islam perlu mencari jalan mengelakkan kejadian yang boleh mengancam nyawa mereka kerana sebagai umat Islam mereka perlu menghargai nyawa.

Bagaimanapun jika sesuatu peristiwa itu terjadi dan tidak dapat dielakkan maka seseorang itu terpaksa menemanya sebagai takdir, katanya ketika berucap di perjumpaan dengan penduduk selepas menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Kampung Iman, Padang Perahu dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri mengingatkan, sekiranya boleh dielakkan sesuatu kejadian yang boleh mengancam nyawa, ianya hendaklah dielakkan.

Mengenai krisis Teluk, Perdana Menteri mengulangi kenyataannya bahawa Malaysia tidak berpihak mana-mana negara yang bertelagah.

Apa yang kita mahu kedua-dua negara Islam - Iraq dan Kuwait berdamai semula, katanya.

UM 22 SEP 1990

Oleh

**Sopha Sulaiman**

Beliau juga memberi jaminan bahawa Malaysia akan turut mempertahankan Mekah dan Madinah jika diancam dan bukan tentera asing (bukan Islam) mempertahankannya.

"Kita tidak rela orang-orang bukan Islam mempertahankan Mekah dan Madinah," tegasnya.

Mengenai peristiwa yang berlaku di negara Islam itu, Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat negara ini betapa bertuahnya mereka kerana dapat hidup dalam keadaan aman dan tenteram.

Katanya, rakyat harus faham bahawa tidak semua negara aman dan selamat seperti Malaysia dan oleh itu mereka perlu bersyukur terhadap keadaan di negara ini.

Perdana Menteri juga mengajak umat Islam bersatu padu di bawah satu pertubuhan dan bukannya berpecah belah menjadi kumpulan-kumpulan kecil.

Katanya, tidak ada makna mewujudkan pakatan seperti mana Angkatan Perpaduan Ummah (APU) sekiranya parti pembangkang seperti Pas dan Semangat 46 masih tidak dapat menyatukan orang Islam keseluruhannya.

Penubuhan angkatan itu hanya pada nama dan berasaskan kepada kepentingan parti politik yang dicampuradukkan dengan agama.